

TARANUM AL-QURAN BERTERASKAN MAKNA AYAT: SATU TINJAUAN AWAL KE ATAS USLUB BACAAN MUJAWWAD SYEIKH MUSTAFA ISMAIL

Anuar bin Hasin

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri
Sembilan, Malaysia.

Tel: +60193033400, E-Mail: anuarhasin@usim.edu.my

Norazman bin Alias, USIM

Zainora binti Daud, USIM

Abstrak

Taranum ataupun berlagu merupakan sebuah perbuatan yang dianjurkan oleh Nabi s.a.w ketika membaca al-Quran. Selain dapat mencantikkan suara ketika membacanya, bacaan bertaranum berteraskan makna ayat juga melahirkan perasaan khusyuk dan tadabbur terhadap makna ayat yang dibaca. Ini selaras dengan pandangan para ulama salaf dan khalaf yang sangat menitikberatkan elemen penghayatan makna di dalam ibadah membaca al-Quran bahkan ia merupakan tujuan utama kitab ini diturunkan. Namun, konsep bertaranum berteraskan makna ayat merupakan suatu yang masih baharu di kalangan para penggiat seni taranum khususnya di Malaysia. Kebiasaannya para qari dan qariah di negara ini masih terikat dengan konsep harakat seperti mana yang telah diperkenalkan di dalam Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang konsep asas taranum al-Quran berteraskan makna ayat mengikut dalil-dalil naqli dan aqli. Kajian ini juga mengetengahkan Syeikh Mustafa Ismail sebagai model untuk memahami sejauhmana kaedah pengaplikasian taranum mengikut makna ayat menerusi uslub bacaan mujawwad beliau. Oleh itu, pemerhatian dan analisa dijalankan ke atas salah satu contoh bacaan Syeikh Mustafa Ismail menerusi Surah Yusuf yang dirakam pada tahun 1969 di Iskandariah, Mesir. Hasil kajian mendapati bahawa Syeikh Mustafa Ismail telah mengadaptasi 6 jenis *maqamat* yang berlainan dan ke empat-empat tingkatan suara di dalam bacaan tersebut dan telah diselarikan dengan maksud ayat yang dibaca sehingga dapat memberikan gambaran makna yata yang dialunkan kepada para pendengar.

Kata Kunci: Taranum, Uslub Tilawah, Syeikh Mustafa Ismail, Penghayatan Makna

Pendahuluan

Mencantikkan suara ketika membaca al-Quran adalah suatu perkara yang sangat dituntut oleh Nabi s.a.w. Ia juga adalah suatu perkara yang tidak dikhilafkan di kalangan para ulama *salaf* dan *khalaf* bahawa mencantikkan suara di dalam bacaan al-Quran adalah merupakan suatu bahagian daripada sunnah-sunnah Nabi s.a.w ketika membacanya (Al-Nawawi, 1996). Dewasa ini, perbuatan melagukan al-Quran sudah menjadi sebahagian daripada budaya yang telah berleluasa di kalangan para qari dari seluruh dunia. Para qari terkenal seperti Syeikh Muhammad Rif'at, Syeikh Abu al-'Ainanin Syuaisya', Syeikh Abdul Basit Abdul Samad, Syeikh Mahmud Khalil al-Husori, Syeikh Muhammad Siddiq al-Minsyawi dan Syeikh Mustafa Ismail telah banyak mempengaruhi corak

bacaan qari-qari pada hari ini. Bacaan mereka selain diiktiraf mempunyai kekemasan daripada sudut tajwid, suara dan lagu, ia juga mempunyai elemen yang istimewa iaitu mampu mendatangkan kekhayalan dan penghayatan terhadap makna ayat yang dibaca. Hal ini sangatlah penting kerana di antara matlamat utama pembacaan al-Quran secara bertaranum ialah menghadirkan penghayatan melalui bacaan yang dialunkan. Matlamat sebesar ini tidaklah boleh dicapai melainkan seseorang qari itu dapat mengadunkan kebolehan berlagu dengan kemampuan menyesuaikan irama dengan makna ayat. Dengan demikian barulah sesebuah bacaan itu akan dapat memberi kesan terhadap pembaca dan juga pendengar.

Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w pernah bersabda di dalam sebuah hadith:

إِنَّ مِنْ أَحْسَنِ النَّاسِ صَوًّا لِقُرْآنِ، الَّذِي إِذَا سَمِعْتُمُوهُ يقرأ، حَسِبْتُمُوهُ يَخْشَى

Maksudnya: “Sesungguhnya adalah daripada kalangan orang yang terbaik suaranya Ketika membaca al-Quran, iaitulah orang yang apabila kamu mendengarnya membaca, kamu merasakan yang dia takutkan Allah. (Majah, 2009)”

Oleh yang demikian, kajian ini akan mengetengahkan konsep bertaranum mengikut makna ayat dengan mengambil bacaan Syeikh Mustafa Ismail sebagai contoh dengan tujuan supaya ia menjadi titik tolak kepada suatu orientasi taranum yang lebih hampir kepada maksud tadabbur dan *takhassyu*.

Konsep Taranum Berteraskan Makna Ayat

Taranum dari sudut bahasa ialah lagu. Namun dari sudut istilah, ia merujuk kepada satu bidang ilmu kaedah suara yang dibunyikan melalui nada, rentak dan irama tertentu untuk menambah kelunakan seni dalam bacaan al-Quran (Mohd Zaini Zakaria, 2018). Prinsip asas taranum ialah mencantikkan suara ketika membaca al-Quran al-Karim. Ini adalah selaras dengan saranan Nabi s.a.w di dalam beberapa hadis di antaranya yang diriwayatkan oleh Barra’:

زَيِّنُوا الْقُرْآنَ بِصَوَاتِكُمْ

Maksudnya: “Hiasilah Al-Quran dengan suara-suara kamu” (Hanbal, 2001)

Selain itu, Bukhari dan Muslim meriwayatkan:

لَقَدْ أُوتِيَتْ مِزْمَارًا مِنْ مِزَامِيرِ آلِ دَاوُدَ

Maksudnya: “ Engkau (Wahai Abi Musa) telah dikurniakan dengan salah satu seruling daripada seruling-seruling Nabi Daud a.s

Di dalam hadis yang lain, Nabi s.a.w pernah bersabda:

مَا أَذِنَ لشيءٍ ما أَذِنَ لِنبيِّ حُسْنُ الصوتِ يَتَعَنَّى لِقُرْآنِ يَجْهَرُ بِهِ (متفق عليه)

Maksudnya: Daripada Abi Hurairah (r.a) beliau berkata: aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: “Allah tidak mendengar sedemikian dengan penuh perhatian kepada apa-apa sepertimana Dia mendengar bacaan Al-Qur'an oleh Nabi yang melagukan Al-Quran dan menyaringkannya” (muttafaqun alaih)

Dalam sejarah peradaban Islam, bangsa Arab merupakan sebuah bangsa yang sangat gemar berlagu-lagu khususnya dengan syair. Diriwayatkan oleh Ibnu Arabi bahawasanya orang Arab sentiasa mengalunkan lagu, baik ketika menunggang unta, ketika berjalan, ketika duduk atau berehat di bawah pokok atau sedang bekerja. Setelah kedatangan Islam, Rasulullah s.a.w telah menggalakkan para sahabat menggantikan lagu-lagu itu dengan lagu-lagu al-Quran, kerana selain daripada untuk berhibur, ia juga menjadi ibadat dan mendapat pahala daripada Allah s.w.t (Bakar, 1997). Oleh yang demikian kita dapat melihat gesaan dan galakan daripada baginda Nabi s.a.w supaya umatnya membaca Al-Quran dengan suara yang baik menerusi hadis-hadis yang telah dinyatakan.

Pada asasnya, perkara utama yang mesti dipelihara di dalam bacaan al-Quran ialah bertajwid. Ini kerana bertajwid ketika membacanya adalah fardhu 'ain ke atas setiap mukalaf samada yang menghafal keseluruhan al-Quran mahupun sebahagiannya meskipun hanya satu surah (Al-Mirsafi, 2001). Ini adalah suatu yang telah sabit melalui al-Quran dan al-Sunnah. Melalui al-Quran, Allah s.w.t telah berfirman:

أَوْزِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً [73:4]

Maksudnya: Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah Al-Quran dengan "Tartil". (al-Muzzammil: 4)

Menurut Syeikh Abdul Fattah, ayat ini bermakna al-Quran hendaklah dibaca dengan tidak tergesa-gesa, *tama'ninah*, khusyuk dan tadabbur di samping memelihara kaedah-kaedah tajwid seperti memanjangkan mad, memendekkan yang pendek, menjelaskan yang *izhar*, meng*ikhfa'*kan yang *ikhfa'*, dan sebagainya yang dapat membawa kepada ketepatan pada tempatnya (Al-Mirsafi, 2001).

Manakala mencantikkan suara ketika membaca al-Quran adalah sesuatu yang tiada khilaf tentang kesepakatan oleh para ulama *salaf* dan *khalaf* bahawa ia adalah tuntutan dan perkara yang sangat digalakkan di dalam ibadah ini (Al-Nawawi, 1996). Membaca dengan suara yang baik selagi tidak melanggar hukum hakam tajwid dapat membangunkan hati, memberikan inspirasi untuk *tafakkur*, tadabbur pada makna ayat, serta dapat mengalihkan tumpuan dan pendengaran terhadap al-Quran dengan penuh perhatian dan kekhusyukan, dan ia lebih berkesan ke atas pendengar selain dapat meninggikan martabat pembaca dan pendengar (Syahin, 2002). Selain itu, tidak dapat dinafikan juga bahawa suara dan persembahan yang baik itu digemari oleh pendengaran, menenangkan jiwa serta diiktiraf sebagai suatu perkara *tabi'ie* dan semulajadi yang benar.

Sesetengah sarjana dalam bidang taranum telah meletakkan ciri keseragaman dan kesesuaian *maqam* dengan makna ayat sebagai ciri-ciri persembahan tarannum yang baik. Ia bertujuan untuk mencapai maksud tadabbur, *tafakkur* dan khusyuk ketika membaca dan memperdengarkan al-Quran.

Menurut Haji Nik Jaafar Nik Ismail, ciri-ciri persembahan taranum yang baik meliputi 6 perkara berikut:

- i. Susunan harakatnya rapi dan bersistematik
- ii. Susunan taranumnya rapi dan bersesuaian
- iii. Penyesuaian taranum dengan ayat
- iv. Penyesuaian taranum dengan hukum tajwid
- v. Penyesuaian suara dengan taranum
- vi. Pengendalian suara dan taranumnya dengan lajhah Arab (Ismail, 2011).

Selain itu, ciri-ciri taranum ataupun *tarji'* yang berasaskan maksud dan konteks ayat juga dapat disandarkan melalui satu perbuatan Nabi s.a.w ketika melantun-lantunkan suara pada ayat yang di baca ketika baginda di atas unta pada hari pembukaan Kota Mekah.

Daripada Mu'awiyah bin Qurrah, beliau mendengar Abdullah bin Mughaffal r.a berkata:

رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ فَتْحِ مَكَّةَ عَلَى قَتِيهِ، وَهُوَ يَقْرَأُ سُورَةَ الْفَتْحِ يَرْجِعُ

Maksudnya: Aku telah melihat Rasulullah s.a.w pada hari pembukaan Makkah di atas unta baginda, dan baginda membaca Surah al-Fath sambil melantun-lantunkan (suaranya).

Ibnu Batthal dalam hadis ini menjelaskan bahawa ia merupakan satu bentuk peringatan bahawasanya al-Quran dibaca dengan *tarji'*, dan irama-irama yang menyedapkan hati dengan suara baik yang diinginkan, bukannya dengan suara yang buta daripada hadnya, iaitu yang sumbang. Tidakkah kamu melihat bahawa Nabi s.a.w mahu sehabis baik mencantikkan bacaan Surah al-Fath yang mana Allah s.a.w telah menjanjikan tentang pembukaan Makkah di dalamnya, maka Allah telah merealisasikan (pembukaan Mekah) supaya hati-hati orang *musyrikin* menjadi lembut terhadap Allah, dengan kefahaman melalui apa yang dibaca oleh Nabi s.a.w tentang pelaksanaan janji Allah terhadapnya ke atas mereka, dengan cara memberi kelazatan terdapat pendengaran mereka melalui suara yang baik yang dilantunkan pada dengan irama (al-Qasami, 2013).

Daripada pertanyaan Ibnu Batthal tentang *tarji'* di atas, dapat disimpulkan beberapa perkara iaitu:

- i. Dituntut untuk membaca al-Quran secara *tarji'* dan dengan suara yang lunak dan baik dengan syarat mestilah menjaga had ketika melagukannya, iaitulah dengan tidak melanggar hukum tajwid seperti kadar *mad* serta tidak melagukannya dengan suara yang sumbang.
- ii. Nabi s.a.w adalah insan yang paling gembira taktala mana Allah mengotakan janji-Nya untuk membuka Kota Mekah dan baginda telah menzahirkan kegembiraannya melalui lantunan suara yang baik dan gembira pada Surah al-Fath yang memberi gambaran tentang kejayaan pembukaan kota itu.
- iii. Suara yang baik dan selari dengan makna ayat adalah berkesan sebagai medium dakwah untuk menarik orang bukan Islam untuk mendekati al-Quran dan agama Allah yakni Islam.

Justeru, pembacaan al-Quran secara bertaranum yang berorientasikan makna ayat adalah suatu ciri daripada ciri-ciri bacaan Rasulullah s.a.w yang unggul. Ia juga adalah suatu yang bersifat semulajadi bagi seseorang insan untuk melantunkan dan melagukan suara mengikut keadaan dan emosi semasanya. Apatah lagi membaca al-Quran, maka ia adalah amat wajar dibacakan dengan irama-irama yang dapat menggambarkan maksud ayat diperdengarkan supaya hati dan akal fikiran dapat disinergikan di dalam suatu ruang tadabbur dan tafakkur seperti mana yang menjadi matlamat utama penurunannya.

Syeikh Mustafa Ismail Sebagai Contoh Bacaan Unggul

Syeikh Mustafa Ismail ataupun nama sebenarnya Mustafa Muhammad al-Mursi Ibrahim Ismail adalah salah seorang tokoh yang sangat terkenal dalam dunia tilawah al-Quran secara bertarunum. Beliau telah dilahirkan pada 17 Jun 1905 disebuah perkampungan bernama *Mit Ghazzal*, Mesir (al-Qadhi). Pada umur 6 tahun, beliau telah dihantar oleh bapanya, Syeikh Abdul Rahman Abu al-‘Ainain untuk mempelajari bacaan al-Quran dan menulis. Beliau telah menghafal al-Quran seawal usia 10 tahun melalui bimbingan Syeikh Muhammad Abu Hasisy. Kemudian dari itu, beliau telah mendalami ilmu tajwid dan qiraat dengan Syeikh Idris Fakhir ketika berumur 16 tahun (al-Qadhi). Beliau kemudiannya telah melanjutkan pelajaran ke Maahad *Dini* di Tanta, Mesir. Namun, belum sempat menghabiskan pelajarannya beliau telah pun mula dikenali di kampung-kampung sekitarnya (al-Qadhi).

Syeikh Mustafa Ismail bukan sahaja dikenali di Timur Tengah bahkan terkenal di seluruh pelusuk dunia Islam. Setengah pihak menganggap bahawa penguasaan beliau dalam bidang seni bacaan al-Quran sebagai paling sempurna berbanding tokoh-tokoh yang lain dan beliau telah banyak memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan ilmu tersebut (Abdullah & Daud, Ketokohan Sheikh Mustafa Ismail dan Sumbangannya dalam Dunia Tilawah Al-Quran Secara Bertarunum: Kajian terhadap Uslub Al-Qiraah, 2018). Di dalam sebuah temuramah rancangan televisyen Mesir bersama Syeikh Mutawali Sya’rawi, beliau mengiktiraf bahawa Syeikh Mustafa Ismail adalah contoh bagi bacaan yang mempunyai seni dalam persembahan bacaan al-Quran khususnya seni perpindahan di antara maqamat (2018). Selain itu, bacaan Syeikh Mustafa Ismail juga selalu dikaitkan dengan ciri-ciri seorang qari yang mampu menzahirkan makna ayat-ayat yang dialukan. Beliau juga mempunyai kemahiran yang luar biasa dari sudut pengolahan lagu dan teknik-teknik suara. Sebagai misalnya, Syeikh Mustafa Ismail tidak mengulang-ulang lagu yang sama pada setiap ayat dan juga di irama penghujungnya, bahkan beliau sentiasa mencipta gubahan lagu-lagu yang baru (Al-Najmi, 1992) . Selain itu, bacaan beliau juga menggambarkan kegembiraan dan dapat melapangkan dada para pendengar (Al-Najmi, 1992).

Pernah suatu ketika Syeikh Mustafa Ismail menghadiri sebuah majlis memperingati pemergian seorang seniman tanah air Mesir iaitu Abdul Halim Hafiz pada tahun 1977 dan mempersembahkan bacaannya di majlis tersebut. Bacaan beliau telah mendapat pujian daripada salah seorang pendengar ketika itu yang merupakan pengerusi maahad tinggi ilmu muzik iaitu Dr. Rutaibah al-Hafni dengan katanya “sesungguhnya bacaan kamu sangat cantik, dan kamu seorang sahaja adalah seperti seluruh perguruan muzik” (al-Qadhi). Ini memberi maksud bahawa kesenian dan kecantikan yang terdapat pada alunan bacaan Syeikh Mustafa Ismail tiada tolong bandingnya dan seolah-olah kepakaran beliau menandingi seluruh kepakaran yang ada pada perguruan seni muzik Arab Mesir pada ketika itu.

Di antara *uslub* bacaan Syeikh Mustafa Ismail secara *mujawwad* yang terkenal ialah:

- i. Keupayaan beliau untuk berpindah di antara *maqamat asliyyah* dan *maqamat far’iyyah* dengan yakin di samping berpegang teguh dengan usul ilmu *Qiraat* dan makna ayat al-Quran.
- ii. Kemampuan beliau untuk menggabungkan di antara tuntutan hukum tajwid, tafsir ayat, qiraat, dan kesenian bunyi suara secara spontan.

- iii. Keupayaan beliau untuk menggambarkan makna-makna ayat dengan suaranya yang tersusun serta mengekspresikan maksud ayat dengan bentuk persembahan luar biasa tanpa pendengar merasakan seolah-olah ia dibuat-buat atau dia bersusah payah melakukannya.
- iv. Beliau tidak membaca secara melulu, akan tetapi mentafsirkan bacaannya dengan suaranya dan mentadabbur dalil-dalilnya. (Abdullah, Fannu Tilawah Al-Quran, 2010)

Keunggulan bacaan Syeikh Mustafa Ismail secara mujawwad tiada tolong bandingnya. Meskipun terdapat pihak-pihak yang melontarkan komen-komen negatif terhadapnya, namun bacaan beliau mempunyai pengaruh yang sangat besar ke atas para qari dan qariah khususnya di Malaysia, sehingga ada yang mengatakan bahawa corak bacaan para qari dan qariah di negara ini adalah mengikut uslub dan keadah bacaan Syeikh Mustafa Ismail.

Tinjauan Pengaplikasian Tarannum Oleh Syeikh Mustafa Ismail

Kajian menentengahkan bacaan Syeikh Mustafa Ismail menerusi Surah Yusuf, ayat 4 hingga 34, yang dirakam di Iskandariah pada tahun 1969 sebagai contoh untuk dianalisis penggunaan tarannum dan suara ataupun *maqamat* yang diadaptasikan oleh beliau menerusi surah ini (Agha, 2018).

Hasil pemerhatian ke atas bacaan tersebut telah mendapati bahawa Syeikh Mustafa Ismail telah menggunakan *maqam Bayyati* dengan nada *qarar* pada permulaan bacaan ayat ke-4 sehingga ayat ke-7. Hal ini amat bersesuaian dengan kedudukan *maqam Bayyati* yang bersifat tenang dan juga sesuai untuk pembukaan bacaan.

Kemudian, beliau mula menunjukkan peningkatan pada tahap tingkatan suara pada ayat-ayat berikutnya. Misalnya pada ayat 8, beliau mula menaiki ke *tabaqat nawa*, namun masih dengan *maqam* yang sama yakni *Bayyati*. Pada ayat ke-9 pula, beliau menggunakan tingkatan suara *jawab*.

Penggunaan *Bayyati* diteruskan pada ke-10, 11 dan 12 dengan variasi *Bayyati Syuri dan Asli* dengan tingkatan suara *jawab*. Namun pada ayat ke-13 beliau mengadaptasikan nada yang mirip kesedihan pada kalimah وَأَنْتُمْ عَنْهُ غَافِلُونَ. Pada ayat ke-14 beliau menggunakan mengalunkan dengan tarannum *Bayyati* dengan nada jawab al-jawab.

Pada ayat ke-16 وَجَاءُوا أَبَاهُمْ عِشَاءً يَبْكُونَ beliau telah mengalunkan *Bayyati* pada tahap suara *jawabul jawab* sekali lagi. Namun pada ke-17 beliau menurunkan suara beliau ke tahap sederhana dengan alunan menggambarkan kisah penceritaan adik beradik Yusuf terhadap bapa mereka bahawa nabi Yusuf telah dimakan oleh serigala.

Pada ayat ke-18, terdapat unsur penggabungan dua *maqam* iaitu *Bayyati* dengan *Soba* pada kalimah فَصَبْرٌ جَمِيلٌ وَاللَّهُ الْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ. Penggabungan itu diteruskan dengan Syeikh Mustafa Ismail mengulang-ngulang ayat ke-19 dengan variasi *maqam Soba* yang berbeza-beza.

Kemudian pada ayat 20 dan 21, Syeikh Mustafa Ismail telah berpatah balik kepada lagu *Bayyati* sehingga kepada ayat $وَاللَّهُ غَالِبٌ عَلَىٰ أَمْرِهِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ$ beliau telah menukar kepada *maqam Iraqi* yang merupakan cabang bagi *maqam Hijaz* dengan nada sederhana yakni *nawa*. Pada ayat ke-22, iaitu $وَلَمَّا بَلَغَ أَشُدَّهُ آتَيْنَاهُ حُكْمًا وَعِلْمًا$ masih mengalunkan dengan *maqam Hijaz*, namun kali ini dengan tingkatan suara tertinggi iaitu *jawabul jawab*. Syeikh Mustafa juga didapati banyak kali menggunakan *maqam Hijaz* dengan nada *jawabul jawab* pada ayat ke-23 dan nada jawab pada ayat 24.

Pada ayat ke-25 beliau telah berpindah kepada *maqam Nahawand* dengan variasi nada suara sedih dan sederhana, namun sedikit tegas pada ayat ke-26 dan 27.

Pada ayat 28, Syeikh Mustafa Ismail telah mengalunkan semula *maqam Soba* sehinggalah ke ayat 29. Namun pada ayat 30, alunan taranum beliau telah terbahagi kepada dua iaitu lagu *Hijaz* pada $وَقَالَ إِنَّا لَنَرَاهَا فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ$ dan lagu *Nahawand* pada $نِسْوَةٌ فِي الْمَدِينَةِ امْرَأَتُ الْعَزِيزِ تُرَاوِدُ فَتَاهَا عَن نَّفْسِهِ قَدْ شَغَفَهَا حُبًّا$. Kemudian, beliau meneruskan dengan *maqam* yang baharu pada ayat 31 iaitu *Rast* sebelum mengulang semula ayat ke-30 dengan *maqam Rast*. Pemerhatian terhadap rakaman ini mendapati suatu sorakan pendengar telah berlaku pada ayat 31 iaitu ketika beliau mengalaunkan ayat $فَلَمَّا رَأَيْتَهُ$ $أَكْبَرْتَهُ وَقَطَّعْتَ أَيْدِيَهُنَّ وَقُلْنَ حَاشَ لِلَّهِ مَا هَذَا بَشَرًا$ dengan *maqam Rast* dengan nada *jawab*.

Pada ayat 32, Syeikh Mustafa telah mengadaptasikan *maqam Jiharkah* dengan variasi nada *nawa* yakni sederhana. Kemudiannya pada ayat 33 beliau turun ke nada *nawa* dan secara beransur-ansur ke nada *qarar* dengan *maqam Bayyati* dan mengakhiri bacaan pada ayat ke 34.

Perbincangan Adaptasi Maqamat Dengan Makna Ayat

Secara umumnya, kajian mendapati bahawa Syeikh Mustafa Ismail telah mengaplikasikan sekurang-kurangnya 6 *maqamat* iaitu *Bayyati*, *Soba*, *Hijaz*, *Nahawand*, *Rast* dan *Jiharkah* pada video bacaan yang berdurasi 51 minit 35 saat ini. Pengolahan lagu yang dialunkan juga adalah teratur dengan variasi *tobaqat* suara yang berbeza beza seperti *qarar*, *nawa*, *jawab* dan *jawabul jawab*.

Gubahan *maqamat* dan suara yang telah diaplikasikan Syeikh Mustafa seolah-olah memberi gambaran tentang perjalanan kisah Nabi Yusuf a.s bermula daripada baginda menceritakan tentang mimpinya kepada ayahnya bahawa dia melihat sebelas bintang, matahari dan bulan tunduk sujud padanya. Syeikh Mustafa Ismail memulakan bacaannya dengan lagu *Bayyati* pada ayat ke empat sehinggalah ayat ke 17 dengan olahan *tobaqat* suara dan nada yang semakin menaik bermula daripada *qarar* sehinggalah kepada *jawabul jawab*. Ini sesuai dengan penceritaan ayat-ayat tersebut yang mendedahkan tentang kronologi perancangan adik-beradik Yusuf a.s yang ingin memusnahkan baginda kerana cemburu di atas kasih sayang di dicurahkan oleh bapa mereka Nabi Ya'qub, namun salah seorang di antara mereka telah menghalang perancangan itu dan akhirnya baginda

dicampakkan ke dalam sebuah perigi agar kelak dipungut oleh musafir yang lalu di situ dan mereka akan bebas dari Yusuf a.s tanpa perlu membunuhnya (Ghoffar, 2017).

Pada ayat ke-13, beliau mengadaptasikan nada yang mirip kesedihan. Ini amat selari dengan keadaan Nabi Ya'qub a.s yang kesedihan dan merasa berat untuk berpisah dengan Yusuf a.s dan juga kerisauan baginda terhadap Yusuf a.s dimakan serigala sedangkan abang-abangnya lalai daripada menjaganya kerana asyik dengan memburu (Ghoffar, 2017). Namun, kerisauan Ya'qub a.s telah dijawab oleh anak-anaknya pada ayat ke 14 dengan mengatakan bahawasanya kelompok mereka adalah ramai, maka sekiranya serigala memakan salah seorang daripada mereka, tentunya mereka adalah orang yang lemah dan tidak mampu menghadapinya (Ghoffar, 2017). Syeikh Mustafa Ismail mengalunkan ayat ini sehinggalah ayat ke-16 dengan alunan *Bayyati* melalui nada *jawabul jawab* menyerupai suara orang yang menangis bagi menggambarkan keadaan abang-abang Yusuf a.s yang bertemu dengan ayah mereka dalam keadaan berpura-pura menangis dan bersedih ke atas apa yang telah berlaku (Ghoffar, 2017).

Pada ayat ke-17, Syeikh Mustafa Ismail telah menurunkan nada beliau ke tahap sederhana dan ia sangat sesuai untuk memberi gambaran keadaan anak-anak Nabi Ya'qub yang berpura-pura sedih dan menyesal serta meminta maaf kepada ayah mereka kerana leka dalam menjaga Yusuf a.s sehingga dimakan serigala taktala meninggalkannya di sisi barang-barang mereka.

Ayat-ayat ini dialunkan dengan satu *maqam* sahaja iaitu *Bayyati*, namun dengan variasi alunan dan suara yang berbeza-beza bagi tujuan mencapai maksud ayat yang diperdengarkan. *Bayyati* merupakan sebuah *maqam* yang bersifat bebas dan sesuai dengan ayat-ayat berbentuk cerita seperti surah Yusuf ini (Abdullah, Fannu Tilawah Al-Quran, 2010).

Seterusnya, tarannum *Soba* telah diadaptasi pada ayat yang ke-18 dan campuran *Soba 'ala Ajam* pada ayat ke-19. Ayat ke-18 umumnya adalah berkenaan tipu daya adik beradik Yusuf a.s terhadap ayah mereka dengan membawa pakaian Yusuf a.s yang dilumurkan darah seekor kambing padanya. Namun, ayah mereka tidak mempercayai hal tersebut dan akan bersabar dengan sebaik-baik kesabaran dalam menghadapi masalah yang dihadapi (Ghoffar, 2017). Ayat ke-19 pula adalah tentang Yusuf a.s dijumpai oleh sekumpulan orang yang bermusafir setelah 3 hari berada di dalam telaga tersebut. Mereka sangat gembira apabila bertemu dengan seorang anak muda (Ghoffar, 2017). Penggunaan *Soba* hal ini adalah ia bersifat rindu dan belas kasihan. Gayanya juga berunsur kesedihan dan meruntun jiwa selain untuk melahirkan keinsafan dan kekhusyukan dalam bacaan sesuai dengan tuntutan al-Quran itu sendiri (Ibrahim & Ghani).

Syeikh Mustafa Ismail juga didapati telah menerapkan tarannum *Hijaz* pada ayat 21, 22 dan 23 surah Yusuf. Secara umumnya, *Hijaz* merupakan sebuah *maqam* yang berasal daripada sebuah kawasan yang terletak di Arab Saudi termasuk kota Mekah dan Madinah (Ismail, 2011). Sifat lagu ini ialah lembut, tegas penuh semangat (Ismail, 2011) dan sesuai dengan ayat berbentuk perintah, larangan dan marah (Ibrahim & Ghani). Ia juga sesuai dengan mana-mana tobaqat suara (Bakar, 1997). Terdapat keadaan di mana lagu ini sesuai untuk menunjukkan pengorbanan dan perjuangan (Abdullah, Fannu Tilawah Al-Quran, 2010). Ini amat sesuai dengan penceritaan yang terdapat pada ketiga-tiga ayat ini di mana Allah mengkhabarkan bahawa apabila Yusuf a.s telah dewasa, telah

dikurniakan kepadanya hikmah dan ilmu. Selain itu, keadaan genting Nabi Yusuf a.s digoda oleh isteri Aziz yang Yusuf tinggal di rumahnya. Yusuf di panggil dengan katanya “marilah ke sini”, tetapi Yusuf menolak godaan tersebut dengan mengatakan “Aku berlindung kepada Allah, sungguh tuanku telah telah memperlakukanku dengan baik” (Ghoffar, 2017). Ketakutan dan suasana genting ini telah digambar oleh Syeikh Mustafa Ismail dengan nada *jawabul jawab* iaitu nada tinggi pada alunan *Hijaz* yang menunjukkan ketegasan Nabi Yusuf a.s dalam hal ini.

Penggunaan maqam Nahawand juga dapat dilihat bermula pada ayat ke-25, 26 dan 27. Irama Nahawand yang tegas dengan *tobaqat jawab* dan *jawabul jawab* telah dilontarkan bagi menunjukkan kesaksian tentang siapa yang berdusta dalam hal godaan dengan merujuk kepada keadaan baju Yusuf a.s. Isteri al-Aziz telah cuba melepaskan diri dan meletakkan kesalahan pada Yusuf. Namun, kebenaran terbongkar setelah melihat baju Yusuf koyak dari belakang. Lalu berkatalah suami wanita tersebut “kejadian itu termasuk di antara tipu dayamu” (Ghoffar, 2017). Suasana sedih bercampur marah suami wanita berkenaan dapat difahami melalui uslub bacaan Mustafa Ismail pada ayat 28 dan 29 yang membawakannya dengan taranum *Soba* yang mempunyai sifat sedih iramanya, dan juga nada *jawabul jawab* dengan variasi *Soba ‘ala Ajam* menunjukkan suami wanita itu marah dan menyuruh isterinya memohon keampunan kerana dia melakukan kesalahan besar.

Maqam Rast juga digunapakai Syeikh Mustafa Ismail bagi menggambarkan suasana berita tentang Yusuf dan isteri al-Aziz telah tersebar di Kota Mesir sehingga semua wanita memperkatakannya. Muhammad bin Ishaq mengatakan bahawa para wanita itu sebenarnya teringin melihat sendiri keelokan dan ketampanan Yusuf (Ghoffar, 2017). Maka dengan sebab itu, isteri al-Aziz telah mengundang wanita-wanita itu ke rumahnya untuk memperlihatkan Yusuf. Apabila isteri al-Aziz menyuruh Yusuf keluar. Taktala Yusuf keluar, maka tercengang kagumlah mereka dengan ketampanan Yusuf hingga mereka memotong jari-jari tangan mereka tanpa disedari (Ghoffar, 2017). Kekaguman mereka terhadap Nabi Allah Yusuf a.s telah digambarkan oleh Syeikh Mustafa dengan alunan *Rast* pada tingkatan *jawab* yang menakjubkan sehingga membuat para penonton dan pendengar bersorak kekaguman dengan cara beliau membacakan ayat tersebut. Ini kerana lagu *Rast* sememangnya sebuah lagu yang dapat menggambarkan suatu maksud yang bersemangat dan bertenaga dalam penyampaian.

Pada minit-minit terakhir bacaan beliau di ayat ke-32, beliau telah mengalunkannya dengan *maqam Jiharkah* yang mempunyai kelembutan yang menusuk hati. Ia juga mempunyai unsur ketenangan dan keharmonian serta sesuai dengan ayat yang berbentuk memohon, merayu, merintah dan sebagainya (Ismail, 2011). *Tobaqat* suara yang sesuai bagi *maqam* ini ialah sederhana. Justeru, kajian melihat penggunaan *tobaqat* sederhana ini melalui taranum *Jiharkah* yang dibawa oleh Syeikh Mustafa Ismail pada ayat 32 dan 33 sebelum melabuhkan tirai bacaannya pada ayat ke-34 dengan *maqam Bayyati*.

Maqam *Jiharkah* amat sesuai dengan ayat-ayat ini kerana apabila diancam oleh isteri al-Aziz untuk memenjarakannya sekiranya tidak menuruti keinginannya, Yusuf telah memohon perlindungan kepada Allah dari kejahatan dan tipu daya mereka seraya berkata:

قَالَ رَبِّ السِّجْنُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا يَدْعُونَنِي إِلَيْهِ وَإِلَّا تَصْرِفْ عَنِّي كَيْدَهُنَّ أَصْبُ إِلَيْهِنَّ وَأَكُنَّ مِنَ الْجَاهِلِينَ

Yang bermaksud : Yusuf (merayu kehadiran Allah Taala dengan) berkata: "Wahai Tuhanku! Aku lebih suka kepada penjara dari apa yang perempuan-perempuan itu ajak aku kepadanya. Dan jika Engkau tidak menjauhkan daripadaku tipu daya mereka, mungkin aku akan cenderung kepada mereka, dan aku menjadi dari orang-orang yang tidak mengamalkan ilmunya".

Penutup persembahan bacaan beliau adalah pada ayat ke-34 dengan menggunakan *maqam Bayyati* bernada *qarar* yang amat sesuai sebagai penutup di mana Allah telah memperkenankan doanya, lalu dijauhkan daripadanya tipu daya mereka. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Kesimpulan

Membaca al-Quran secara berlagu adalah suatu yang amat dituntut selaras dengan saranan dan galakan Nabi s.a.w supaya umat Islam mencantikkan suara ketika membacanya. Namun, lebih daripada itu, sekiranya seseorang qari itu dapat menyeleraskan alunan taranum dengan maksud dan mafhum ayat, maka ia akan memberi kesan yang lebih baik lagi terhadap para pendengar. Hal ini telah dicontohkan oleh Nabi s.a.w ketika melagu-lagukan al-Quran sewaktu pembukaan Kota Mekah dalam suasana kegembiraan di atas kejayaan pembukaannya dan janji Allah yang telah dikotakan oleh-Nya.

Syeikh Mustafa Ismail merupakan seorang qari yang mempunyai khazanah-khazanah bacaan yang berharga sewaktu hayatnya. Bacaannya telah diiktiraf sebagai salah satu bacaan terbaik di dunia dan persembahan bacaan beliau telah digambarkan sebagai '*al-ada' al-tafsiri*' di kalangan para pendengar dan para ulama. Penerapan *maqamat* yang dilakukan beliau amatlah memberi kesan terhadap para pendengar kerana kemampuan beliau dalam mensinergikan di antara seni lagu dan juga maksud ayat. Kemampuan itu bolehlah dikatakan kemampuan tahap tertinggi yang sekiranya seseorang pembaca al-Quran mampu lakukannya, maka ia akan menatijahkan sebuah bacaan yang memberi kekhayusan kepada pembaca dan membawa kepada tadabbur makna ayat seperti mana yang diperintahkan oleh Allah. Jelas sekali bahawa lagu-lagu yang diaplikasikan hanyalah bersifat perantara dalam mencapai maksud dan tujuan sebenar yang dikehendaki oleh Allah s.w.t melalui ibadah membaca al-Quran dan mencantikkan suara padanya.

Kajian yang lebih banyak perlu dilakukan ke atas bacaan beliau untuk mengenalpasti lagi kaedah yang terbaik dalam mengaplikasikan *maqamat* dalam pembacaan secara *mujawwad*. Semoga usaha ini dapat merintis usaha-usaha seterusnya yang akan digerakkan oleh para sarjana lain demi untuk memperkemaskan lagi konsep bertaranum mengikut makna ayat al-Quran.

Glosari

Maqamat asliyyah: Lagu-lagu asas seperti Bayyati, Nahawand, Rast dan seumpamanya.

Maqamat far'iyah: Lagu-lagu cabang seperti Husaini, Kurdi, Syuri dan seumpamanya.

Maqamat: Lagu-lagu yang digunapakai di dalam pembacaan al-Quran.

Maqam: Lagu atau irama

Qarar: Tingkatan suara paling rendah yang mampu dihasilkan oleh manusia.

Tabaqat: Tingkatan suara yang terdiri daripada *Qarar*, *Nawa*, *Jawab* dan *Jawabul jawab*.

Nawa: Nada atau tingkatan suara sederhana di antara *Qarar* dan *Jawab*.

Jawab: Nada atau tingkatan suara tinggi di dalam bacaan al-Quran.

Jawabul jawab: Nada atau tingkatan suara tertinggi di dalam bacaan al-Quran.

Rujukan

Al-Quran

(2018, Februari). Retrieved from <https://www.youtube.com/watch?v=KGaoRnWD-d8>

Abdullah, W. H. (2010). *Fannu Tilawah Al-Quran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdullah, W. H., & Daud, M. (2018). Ketokohan Sheikh Mustafa Ismail dan Sumbangannya dalam Dunia Tilawah Al-Quran Secara Bertarannum: Kajian terhadap Uslub Al-Qiraah. *Al-Basirah*, 90.

Agha, D. (2018, Jun 4). You Tube. Retrieved from https://www.youtube.com/watch?v=J77ilP7yc_A

Al-Mirsafi, A. F.-S. (2001). *Hidayah al-Qari Ila Tajwid Kalam al-Bari*. al-Madinah al-Munawwarah: Dar al-Fajr al-Islamiyyah.

Al-Najmi, K. (1992). *Mustafa Ismail Hayatuhu Fi Zilal al-Quran*. Kaherah: Darul Hilal.

Al-Nawawi, M. A. (1996). *Al-Tibyan Fi Adab Hamalat Al-Quran*. Beirut: Dar Ibn Hazm Li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi'.

al-Qadhi, S. (n.d.). *Abaqirah al-Tilawah Fi al-Qarn al-'isyin*. Kaherah: Dar al-Jumhuriyah Li al-Shahafah.

al-Qasami, N. b. (2013). *al-Tarji' fi al-Qiraah Mafhumuhu wa Hukmuhu*. Riyadh: Dar Kunuz Isybiliya li al-Nasyr wa al-Tauzi'.

al-Sudais, A. b. (n.d.). *Dalail wa Tanbihat fi Mas'alah al-Tagahnniy bi al-Ayat*. The Journals of the Islamic University of Madinah, 13.

Anuar bin Hasin, Z. Y. (2014). *Tathawwur Fann Al-Tarannum Fi Maliziya: Dirasah Tarikhiyyah wa Ilmiyyah*. *Jurnal Maalim Al-Quran Wa As-Sunnah*.

Bakar, M. A. (1997). *Seni Lagu Al-Quran Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Ghoffar, M. A. (2017). *Tafsir Ibnu Kathir*. Jakarta: Pustaka Imam Asy Syafi'i.

Hanbal, I. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Damsyik: Muassasah al-Risalah.

Ibrahim, M. L., & Ghani, M. A. (n.d.). *Taranum Seindah Bicara Ilahi*. Bandar Baru Bangi: Ummah Networking.

Ismail, N. J. (2011). *Qawaid Al-Tarannum; Cara Berlagu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Majah, I. (2009). *Sunan Ibnu Majah*. Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.

Mohd Zaini Zakaria, A. M. (2018). *Seni Tarannum Al-Quran*. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM.

Syahin, S. M. (2002). *al-Taghanniy bi al-Quran Baina al-Hil wa al-Hurmah*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.